

# LAPORAN PROGRAM KEMBARA *CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY* (CSR) INSTUN SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN

## 1.0 BUTIRAN PROGRAM

<b>Tempat</b>	: Masjid Al-Hidayah, Tanah Rata Cameron Highlands
<b>Tarikh</b>	: 2 September 2022 (Jumaat)
<b>Aktiviti Rekreasi</b>	:Kembara <i>Corporate Social Responsibility</i> (CSR) INSTUN Sempena Bulan Kemerdekaan
<b>Penglibatan</b>	: 17 Peserta
<b>Anjuran</b>	: Biro Sukan dan Rekreasi Kelab INSTUN

## 2.0 OBJEKTIF

- a) Untuk menyambut Bulan Kemerdekaan dengan membudayakan ahli Kelab INSTUN dalam program kemasyarakatan.
- b) Untuk merapatkan hubungan silaturahim sesama warga Kelab INSTUN dan Komuniti di Tanah Rata, Cameron Highlands

## 3.0 PENGISIAN PROGRAM

Program ini dianjurkan oleh AJK Biro Sukan dan Rekreasi Kelab INSTUN dalam merealisasikan hasrat untuk menjayakan aktiviti rekreasi bersama ahli kelab INSTUN. Program ini juga bertujuan untuk membentuk satu pasukan yang baik dalam melakukan kerja-kerja amal dan meningkatkan motivasi diri.

Seramai 17 rider INSTUN telah mengambil bahagian di dalam Program Kembara *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang mana ini adalah julung-julung kalinya diadakan bagi aktiviti sempena Bulan Kemerdekaan. CSR ini bertujuan melaksanakan kerja-kerja amal Pihak Masjid Al-Hidayah, Kampung Sedia, Cameron Highlands dan menyampaikan sumbangan daripada kakitangan INSTUN. Selain itu, intipati yang kami dapat terapkan dalam program ini adalah bagi meningkatkan sikap kerjasama dan melaksanakan kebajikan kepada komuniti di Tanah Rata, Cameron Highlands.

Program ini juga mendapat sokongan dalam bentuk sumbangan baucar minyak petrol daripada Petronas Behrang 2020 dan sedikit sumbangan daripada DUN Behrang bagi membeli peralatan untuk tujuan gotong royong.

Akhir sekali, Program ini berakhir dengan baik tanpa ada sebarang kejadian tidak diingini. Biro Sukan dan Rekreasi amat berpuas hati sepanjang program ini dilaksanakan

kerana mendapat kerjasama yang amat padu daripada semua peserta. Semoga program ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

#### 4.0 GAMBAR AKTIVITI PROGRAM

